



Kenyataan Media

HANTARAN PALSU, 3R: TIGA LAGI INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN

CYBERJAYA, 4 September 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah merakam keterangan tiga (3) lagi individu berhubung hantaran palsu berunsur perkauman di laman Facebook dan TikTok mereka berkaitan insiden seorang wanita menaiki pentas utama semasa sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Perak di Ipoh, baru-baru ini.


Hantaran tersebut yang mendakwa kononnya tindakan itu dilakukan oleh seorang wanita berbangsa Cina adalah tidak benar, selain berpotensi mencetuskan ketegangan kaum dan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat.

Rakaman keterangan ke atas ketiga-tiga individu berkenaan telah dijalankan di Balai Polis Kuala Nerang, Kedah; Balai Polis Beserah, Kuantan dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Pulau Pinang pada Rabu (3 September 2025). Sebanyak tiga (3) unit telefon bimbit, tiga (3) keping kad SIM dan satu (1) kad memori telah disita bagi tujuan analisis forensik digital.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Orang ramai diingatkan supaya sentiasa mengesahkan kesahihan maklumat sebelum membuat atau menyebarkan sebarang kandungan di media sosial.

LAMPIRAN GAMBAR



Gambar 1: Rakaman keterangan dijalankan di Balai Polis Kuala Nerang, Kedah.

Gambar 2: Rakaman keterangan dijalankan di Balai Polis Beserah, Kuantan.

Gambar 3: Rakaman keterangan dijalankan di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my

